

Uchapan Berkenaan dengan
Pembangunan Luar Bandar menerusi Radio.

Tuan2 dan Puan2 Sekalian,

Saya amat-lah sukachita-nya oleh sebab dapat peluang berchakap pada malam ini kepada tuan2 dan puan2 sekalian berkenaan dengan dasar Kerajaan terhadap Pembangunan Luar Bandar.

Tuan2 sekalian maseh lagi ingat bahawa di-majlis pembukaan persidangan Parlemen yang akhir pada tahun 1959 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Timbalan Yang Di-Pertuan Agong pada masa itu telah bertitah bahawa Kerajaan baginda, ia-itu Kerajaan Perikatan yang ada sekarang ini hendak menghimpunkan segala usaha dan tenaga bagi memajukan Negara, terutama sekali kawasan2 di-luar bandar. Baginda telah menaymbung titah bahawa untok menchapai tujuan hendak memajukan Negara ini dan menambah kema'amuran di-kampong2 Kerajaan Baginda berazam hendak menggunakan segala kepandaian dan tenaga saperti juga telah di-gunakan untok menghanchurkan segala anchaman parti communis di-Tanah Melayu ini. Tuan2 telah sedia ma'alum bahawa telah menjadi dasar Kerajaan Perikatan beberapa tahun yang lalu menggalakan perusahaan2 orang2 kita dalam negeri ini dan juga perusahaan2 serta pergunaan modal dari luar negeri supaya menambahkan hasil dan kemajuan negeri ini. Dengan ada-nya dasar yang semacham itu, ikhtiar2 telah di-jalankan supaya perusahaan2 di-negeri ini bertambah banyak dan maju. Sekarang bermacham2 jenis perusahaan sudah di-jalankan di-Tanah Melayu ini, kilang2 semakin banyak di-dirikan di-bandar2 yang besar. Perusahaan2 kechil telah di-adakan. Semua ini ada-lah mendatangkan

hasil2 yang baik dan memberi pekerjaan kepada anak2 negeri yang tidak ada pekerjaan.

Sambil menjalankan ikhtiar2 dan usaha2 yang tersebut itu Kerajaan telah mengambil keputusan supaya menyusun semula dan membaiki ekonomi dan chara penghidupan di-kawasan2 di-luar bandar, oleh sebab lebeh daripada 60% anak negeri ini dudok di-Kampong2 dan di-kawasan2 luar bandar. Oleh itu pada fikiran Kerajaan usaha hendak memajukan kawasan2 di-luar bandar ini ada-lah menjadi puncha kesejahteraan penduduk2 Negeri. Kerajaan berazam supaya penduduk2 di-kampong2 itu dapat hidup dalam keadaan yang lebeh sempurna dan lebeh baik daripada yang ada sekarang ini, supaya keadaan mereka itu tidak jauh bedza-nya dengan keadaan hidup orang2 yang tinggal di-kawasan2 bandar.

Untuk menchapai tujuan ini Kerajaan telah menubuhkan sa-buah Kementerian yang baharu yang di-namakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kewajipan Kementerian baharu ini yang pertama sekali ia-lah menyatukan tenaga2 Jabatan Kerajaan yang berkaitan dengan kemajuan luar bandar ini, supaya Jabatan2 itu menjadi satu dan lebeh sempurna, yang di-kelolakan oleh satu pasokan yang mempunyai satu tujuan, ia-itu untuk memajukan kawasan2 luar bandar. Oleh itu kerajaan telah menubuhkan Jawatan2 Kuasa di-perengkat National, di-perengkat Negeri dan di-perengkat Jajahan supaya di-semua perengkat2 itu usaha dan tenaga Kerajaan dapat di-satukan untuk melaksanakan dasar Kerajaan yang penting itu. Di-perengkat National badan ini di-namakan Majlis Pembangunan Luar Bandar Negara, dan Majlis ini di-ketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Semua Menteri2 yang bersangkutan paut dengan hal ehwal kawasan2 luar bandar ada-lah menjadi ahli Majlis ini. Pekerjaan Majlis ini ia-lah menjalankan langkah supaya berbagai2 dasar Kementerian dan Jabatan2 Kerajaan Persekutuan di-satukan menjadi satu dasar yang besar mengikut tujuan Kerajaan untuk membaiki ekonomi, taraf hidup dan masharakat orang2 yang tinggal di-kawasan luar bandar itu. Di-perengkat Negeri pula badan atau pasokan itu di-namakan Jawatan Kuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri dan di-ketuai oleh Menteri Besar atau pun Ketua Menteri Negeri itu. Yang menjadi ahli2-nya ia-itu beberapa orang wakil yang di-pilih di-dalam Negeri itu dan Ketua2 Jabatan yang kerja-nya bersangkut paut dengan hal-ehwal kawasan2 luar bandar. Badan Negeri ini ada-lah bertanggung jawab bagi menumpukan usaha Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan2 luar bandar dengan sebanyak2 yang terdapat. Di-dalam tiap2 Jajahan pula ada sa-buah pasokan yang di-ketuai oleh Pegawai Jajahan. Pasokan ini-lah yang akan menjalankan dasar dan perentah2 Kerajaan terhadap pembangunan luar bandar. Sekarang badan2 atau pasokan2 ini telah-lah di-tubuhkan dan kita ada-lah mempunyai satu susunan pentadbiran yang teratur bagi menjalankan ranchangan2 pembangunan Luar Bandar. Susunan pentadbiran ini ada-lah sedia hendak memulai menjalankan ranchangan2 kita.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang baharu ini ia-lah termasuk dalam tanggungan Perdana Menteri. Kebanyakan Jabatan yang berkenaan dengan hal ehwal kema'amuran dan kebajikan orang2 di-luar bandar ada-lah di-bawah jagaan-nya, dan saya sebagai

Timbalan Perdana Menteri ada-lah sabenar-benar bertanggung jawab di-atas perkara menjalankan segala dasar2 yang berkenaan dengan pembangunan luar bandar. Kementerian ini akan menyatukan segala usaha pembangunan luar bandar dan akan menjalankan tanggungannya di-bawah kuasa Perdana Menteri. Kementerian ini-lah pusat perancang langkah2 yang hendak di-ambil untok melaksanakan dasar Kerajaan yang penting itu, dan dari Kementerian ini-lah akan di-keluarkan perentah2 dari satu masa ka-satu masa kepada semua Pejabat2 Kerajaan yang berkenaan supaya segala tenaga yang ada dapat di-gunakan untok menchapai tujuan kita hendak membaiki keadaan hidup penduduk2 di-kampong2 itu. Saya suka menegaskan lagi di-sini bahawa Kerajaan mensifatkan usaha pembangunan luar bandar ini sebagai kerja dzarurat. Oleh itu Kerajaan berazam hendak menjalankan rancangan2 dengan bersungguh2 sebagaimana yang telah di-jalankan pada masa kita menghadapi dzarurat, dan Kerajaan berkahendakkan kejayaan dengan seberapa segera yang boleh.

Sekarang satelah di-atur jentera perkhidmatan bagi melancharkan rancangan pembangunan luar bandar, maka mustahak-lah di-jalankan langkah yang kedua, ia-itu mengadakan rancangan yang teratur. Baru2 ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini telah mengistiharkan Buku Merah, ia-itu rancangan tindakan yang telah pun di-hantarkan kepada Jajahan2 di-seluruh Tanah Melayu. Di-dalam Buku Merah ini adalah bergantung semua sekali perkara2 yang di-kehendakki Jawatan Kuasa Jajahan menjalankan untok mengadakan rancangan2 teratur bagi kemajuan di-kawasan masing2. Pada fikiran saya sangat-lah mustahak kita mengadakan satu "Plan" atau rancangan yang teratur sabelum kita

memulakan pekerjaan kita. Nahya-lah dengan ada-nya rancangan yang teratur seperti itu baharu-lah pekerjaan kita dapat di-jalankan dengan lincin dan sempurna. Tiap2 Jawatan Kuasa Jajahan ada-lah di-kehendaki mengisi Buku Merah ini, ia-itu menentukan apa2 rancangan2 yang di-kehendakki di-jalankan di-kawasan masing2 bagi membaiki keadaan hidup penduduk2-nya di-kawasan itu. Rancangan2 itu hendak-lah di-sediakan dengan seberapa segera yang boleh kerana kerajaan berchadang hendak mengistiharkan rancangan 5 tahun yang kedua tidak berapa lama lagi dan Kerajaan berharap satengah2 daripada rancangan2 yang terkandung dalam Buku Merah itu dapat di-masokan dalam rancangan Kemajuan 5 tahun itu.

Rancangan kemajuan luar bandar ini ada-lah terbagi kepada 2 bahagian. Yang pertama-nya ia-lah rancangan kemajuan tanah. Kerajaan chukop sedar bahawa ada sabahagian besar ra'ayat dalam Negeri ini hendak menchari nafkah hidup mereka itu dengan perusahaan tanah. Tetapi mereka itu tidak mempunyai tanah atau pun mempunyai tanah yang tidak menchukopi bagi mereka itu untok menchari nafkah hidup. Oleh itu Kerajaan Persekutuan dengan bekerja sama dengan Kerajaan2 Negeri telah bersetuju hendak memberi tanah kepada mereka itu yang chukop luas-nya bagi mereka menchari nafkah. Bagi melaksanakan tujuan ini Kerajaan Persekutuan telah mengadakan Lembaga Kemajuan Tanah, dan Lembaga ini telah pun menjalankan beberapa rancangan2 kemajuan tanah dengan mendatangkan hasil yang memuaskan hati. Dan lagi bagi menambahkan tenaga Lembaga ini Kerajaan telah mengadakan satu undang2 baharu yang dinamakan Undang2 Membuka Tanah Baharu chara Berkumpul atau "Group Settlement Area Bill".

Undang2 ini membolehkan Kerajaan2 Negeri membuka ranchangan tanah dengan peraturan yang kemas dan segera boleh mendatangkan hasil. Dengan chara yang tersebut ini Kerajaan berharap dapat memuaskan hati kehendak ra'ayat berkenaan dengan ranchangan Kemajuan Tanah. Bahagian yang kedua dalam pembangunan luar bandar ini ia-lah ranchangan2 kemajuan bagi kawasan2 luar bandar seperti membuat jalan2 raya, jambatan2 dan mengadakan berbagai2 keperluan hidup yang di-fikirkan mustahak bagi penduduk2 di-kampong2 mengikut peredaran zaman. Ranchangan2 ini akan di-jalankan dengan seberapa segera yang boleh dan dengan menggunakan sapenoh2 tenaga Kerajaan.

Dengan peraturan dan chara2 yang tersebut itu saya yakin dan perchaya-lah ranchangan kemajuan luar bandar Kerajaan yang penting ini dapat di-hasilkan dengan sempurna. Akan tetapi seperti saya telah sebutkan beberapa kali bahawa kejayaan ranchangan Kerajaan ini bergantung kepada 3 perkara. Yang pertama-nya bergantung kepada dasar Kerajaan yang sempurna dan jentera Kerajaan yang sempurna; yang kedua bergantung kepada ranchangan2 yang kemas dan teratur. Dan yang ketiga bergantung kepada keazaman tiap2 orang di-kampong2 sendiri, berusaha dan bertenaga bersungguh2 menjayakan tanah2 atau pun perusahaan2 masing2. Perkara yang pertama dan kedua itu Kerajaan telah-lah jalankan dan Kerajaan berazam untok menumpukan sapenoh tenaga bagi memajukan ranchangan ini. Oleh itu saya berharap pada tuan2 semua akan berazam juga mengambil bahagian masing2 di-dalam ranchangan yang penting dan mustahak ini.

Chara sa-saorang boleh membantu bagi menjalankan ranchangan ini ia-lah memajukan perusahaan masing2. Kemajuan sa-saorang itu bergantung-lah kapada usaha tenaga dan titek peluh-nya sendiri. Oleh itu mari-lah kita bersama2 berusaha dan bertenaga menjalankan ranchangan Kerajaan ini supaya dapat kita menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sa-buah Negara yang lebeh ma'amur, lebeh baik dan lebeh aman.
